

20 Februari 2020
Untuk Hebahan Segera



KENYATAAN MEDIA
ISLAMIC RELIEF MALAYSIA

USAHA KEMANUSIAAN BERTERUSAN UNTUK RAKYAT PALESTIN

Bangi, 20 Februari 2020 – Keprihatinan segenap lapisan masyarakat di Malaysia terbukti apabila mereka sentiasa tampil memberi bantuan dan sokongan terutama kepada saudara yang terjejas akibat konflik berpanjangan terutama di Palestin. Islamic Relief Malaysia selaku sebuah badan bukan kerajaan (NGO) dan merupakan sebahagian daripada rangkaian global Islamic Relief, antara NGO yang aktif dalam usaha menyampaikan bantuan kemanusiaan di negara-negara yang sedang bergolak mahupun yang terkesan akibat bencana alam.

Sejak penubuhan Islamic Relief pada tahun 1984 di Birmingham, operasinya telah berkembang di lebih 45 buah negara termasuk di dalam Palestin. Usaha kemanusiaan Islamic Relief di Palestin telah bermula sejak tahun 1994 dengan penubuhan pejabat Islamic Relief Palestin (Gaza dan Tebing Barat). Sejak itu, pejabat Islamic Relief Palestin menjadi pelaksana bagi projek-projek bantuan Islamic Relief yang dilaksanakan di seluruh Palestin. Usaha kemanusiaan Islamic Relief di Palestin tertumpu kepada bantuan di fasa kecemasan dan fasa pembangunan.

Bantuan fasa kecemasan adalah seperti bantuan perubatan, makanan dan perlindungan. Manakala, bantuan fasa pembangunan pula adalah seperti pembinaan sekolah, pembinaan pusat rehabilitasi, bantuan air, sanitasi dan kebersihan (WASH), bantuan pendidikan, bantuan kehidupan mampan dan bantuan penajaan anak yatim. Walaubagaimanapun, pejabat operasi Islamic Relief Palestin di Tebing Barat telah pun tamat operasi sejak Disember 2018 dan hanya memberi bantuan program bermusim melalui rakan kemanusiaan mereka. Kini, usaha kemanusiaan untuk rakyat Palestin lebih tertumpu melalui pejabat di Gaza.

Sejak penubuhannya pada tahun 1984, Islamic Relief sentiasa menitik beratkan amalan urus tadbir yang baik dalam memastikan akauntabiliti dan ketelusan terjaga. Pelaksanaan projek bantuan adalah melalui pejabat rangkaiannya di mana Islamic Relief beroperasi. Setiap transaksi perlu melalui ibu pejabat Islamic Relief sebelum ianya disalurkan kepada pejabat lapangan seperti Islamic Relief Palestin. Islamic Relief juga mengamalkan dasar berkecuali dan tidak berpihak kepada mana-mana parti dan sentiasa bersikap adil dalam melaksanakan usaha kemanusiaannya untuk jangka masa yang panjang.

Islamic Relief adalah antara NGO Islam pertama yang diperakui di bawah *Core Humanitarian Standards* (CHS), sistem piawaian antarabangsa yang digunakan oleh NGO antarabangsa. Islamic Relief juga telah tersenarai antara 20 NGO teratas dari 3 juta NGO yang lain dalam aspek ketelusan, impak dan kreativiti oleh NGO Advisor, salah satu badan bebas yang berpangkalan di Geneva.

Orang ramai boleh layari laman sesawang dan laman sosial berikut untuk maklumat lanjut:-

1. Islamic Relief

Laman web: <https://www.islamic-relief.org>

Facebook: <https://www.facebook.com/islamicreliefworldwide>

2. Islamic Relief Malaysia

Laman web: <https://www.islamic-relief.org.my>

Facebook: <https://www.facebook.com/IslamicReliefMalaysia>

3. Islamic Relief Palestin

Laman web: www.irpal.ps/en/

Facebook: <https://www.facebook.com/islamicreliefpalestine/>

Mengenai Islamic Relief

Islamic Relief merupakan sebuah organisasi bantuan dan pembangunan kemanusiaan antarabangsa yang ditubuhkan pada tahun 1984 dan beribu pejabat di Birmingham, United Kingdom. Islamic Relief berkhidmat di lebih 45 buah negara dan telah membantu lebih daripada 120 juta orang sejak beroperasi. Skop bantuan Islamic Relief merangkumi bantuan kecemasan, pembangunan mampan bersepadu, pengurangan risiko bencana dan advokasi.

Mengenai Islamic Relief Malaysia

YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad telah merasmikan penubuhan Islamic Relief Malaysia pada tahun 2005, bertujuan untuk meneruskan bantuan kemanusiaan Islamic Relief di rantau Asia-Pasifik. Kini, Islamic Relief Malaysia berperanan sebagai pejabat penjana dana dan pelaksana projek tempatan dan antarabangsa.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai program kemanusiaan Islamic Relief Malaysia, sila layari laman web rasmi www.islamic-relief.org.my atau hubungi talian tetap 03-8926 3434.

Sebarang sumbangan boleh disalurkan melalui akaun berikut atas nama Islamic Relief Malaysia:

MAYBANK ISLAMIC | 5621 4270 8704

MBSB BANK | 1005 0251 0000 0166

CIMB ISLAMIC | 860 2073818

BANK ISLAM | 12 029 01 006564 3

AFFIN ISLAMIC | 10 671 000278 4

BANK RAKYAT | 11080 10000 35

atau melalui :

CHARITY SHOPPE | TUNAI atau KAD KREDIT

Zairulshahfuddin Zainal Abidin,

Ketua Pegawai Eksekutif
Islamic Relief Malaysia

- Tamat-

Dikeluarkan oleh,
Islamic Relief Malaysia - Reg No: 657354-W
A-05-1, Paragon Point, Jalan Medan PB5, Seksyen 9,
Pusat Bandar, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor
Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **Bahagian Komunikasi Strategik**
di talian 03-8926 3434, faks 03-8925 3434 atau
emel: Malaysia.Media@islamic-relief.org.my
Aduan atau maklum balas: feedback.irmalaysia@islamic-relief.org.my/Whatsapp:
[+60196379788](https://wa.me/60196379788)